



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 28 /2022

ILMU DAN AMAL BERPISAH TIADA

15 Zulhijjah 1443 H

Bersamaan

15 Julai 2022

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ، عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْأَمِينُ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.
مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketaatan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, carilah ilmu pengetahuan secukupnya bagi memperbaiki amal ibadat kita dari semasa ke semasa, mudah-mudahan ia menjadi amal ibadat yang diterima oleh Allah SWT.

Tajuk khutbah kita pada hari ini ialah :

“Ilmu Dan Amal Berpisah Tiada”

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah sekalian

Perlu diingatkan bahawa tujuan dan matlamat Allah SWT menciptakan kita ke dunia ini tidak lain dan tidak bukan melainkan untuk menyembah dan beribadat kepada-Nya. Firman Allah dalam surah al Zariyat ayat ke 56 :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Yang bermaksud: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.

Oleh itu, setiap amal ibadat yang dilakukan sebagai pengabdian diri kepada Allah, baik yang berbentuk wajib mahupun sunat, pastikan ia dilakukan dengan betul dan sempurna, iaitu menepati ketetapan syarak serta dilakukan dengan penuh keimanan dan keikhlasan kepada Allah.

Sabda Rasulullah SAW :

مَنْ عَمِلَ عَمَلًا لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ

Yang bermaksud: Sesiapa yang melakukan sesuatu amal yang bukan dari urusan agama kami maka ia adalah tertolak (tidak diterima oleh Allah)

(H.R. Muslim)

Bagi memastikan sesuatu amal yang dilakukan itu betul dan sempurna sebagaimana yang dituntut oleh syarak, maka Islam mewajibkan setiap orang muslim mempelajari ilmu pengetahuan yang berkaitan dengannya.

Sabda Rasulullah SAW :

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

Yang bermaksud : Mencari ilmu adalah fardu ain ke atas tiap-tiap orang Islam (lelaki dan perempuan)

(Hadis Riwayat Muslim)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah

Ilmu dan amal merupakan dua perkara yang saling lengkap-melengkapi di antara satu sama lain. Jika dipisahkan, akan menjadi pincang atau tempang, kerana berilmu tanpa amal tiada faedahnya dan beramal tanpa ilmu pula tiada jaminan kesahihannya. Berkata Imam al Ghazali rahimullah :

الْعِلْمُ بِلَا عَمَلٍ جُنُونٌ وَالْعَمَلُ بِغَيْرِ عِلْمٍ لَا يَكُونُ

Ertinya: Berilmu tanpa amal itu ibarat orang yang tidak waras dan beramal tanpa ilmu pula tidak menjadi.

Ini jelas menunjukkan bahawa ilmu yang dimiliki oleh seseorang tidak akan mendatangkan manfaat kepada pemiliknya sekiranya tidak diamalkan, malah ilmu tanpa amal diibaratkan seperti pokok tanpa buah. Manakala amal tanpa ilmu pula kemungkinan untuk tidak sahnya amat tinggi.

Setiap muslim wajib mempelajari Ilmu fardu ain berikut :

Pertama : Ilmu aqidah atau ilmu tauhid.

Dengan mempelajari ilmu ini akan dapat membetulkan aqidah dan memantapkan keimanan seseorang kepada Allah SWT ketika melaksanakan sesuatu amal ibadat, serta menghindarkan dirinya daripada terlibat dengan perkara-perkara yang boleh merosakkan iman dan membatalkan amal ibadat yang dilaksanakan.

Kedua : Ilmu syariah atau ilmu fiqah.

Dengan mempelajari ilmu ini akan dapat membantu seseorang untuk melaksanakan sesuatu amal ibadat dengan betul dan sempurna

sebagaimana yang dituntut oleh syarak, kerana pelaksanaannya dilakukan dengan penuh yakin tentang kesahihannya, berpandukan ilmu pengetahuan yang dipelajarinya.

Ketiga: Ilmu tasauwuf.

Dengan mempelajari ilmu ini dapat membantu seseorang untuk memperbaiki hatinya ketika melaksanakan amal ibadat, iaitu dapat memberi tumpuan, khusyuk dan tawaduk kepada Allah SWT serta terhindar dari segala sifat mazmumah dari hatinya, seperti sifat riyak, sombong, ujub dan sebagainya, yang mana sifat-sifat tersebut boleh merosakkan pahala amal ibadat yang dilakukan.

Untuk mendapatkan ilmu-ilmu tersebut hadirkan diri ke majlis-majlis ilmu yang dikendalikan oleh guru-guru yang alim dan mursyid serta mempunyai tauliah. Elakkan belajar tanpa guru atau dengan guru yang diragui. Mempelajari ilmu merupakan perkara yang dituntut sepanjang hayat, tidak ada istilah terlambat, selagi hayat di kandung badan.

Antara kelebihan yang disediakan oleh Allah untuk orang yang mempelajari ilmu ialah dipermudahkan jalan ke syurga sebagaimana sabda Rasulullah SAW :

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

(رواه مسلم)

Yang bermaksud: Sesiapa yang menempuhi satu jalan untuk menuntut ilmu, Allah akan memudahkannya jalan ke syurga.

Sidang Jumaat yang dimulikan Allah sekalian

Kesimpulannya, marilah sama-sama kita mempelajari ilmu pengetahuan yang berkaitan dengannya agar kita dapat melaksanakan amal ibadat dengan penuh yakin dan ikhlas kepada Allah kerana kesempurnaan segala amal ibadat berkait rapat dengan ilmu pengetahuan yang dipelajari melalui guru-guru yang mursyid.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَمَّنْ هُوَ قِنْتُءَانَاءُ الْيَلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُو رَحْمَةَ رَبِّهِ قُلْ

هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٩﴾

Yang bermaksud: Engkakah yang lebih baik) atau orang yang taat mengerjakan Ibadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri sambil takutkan (azab) hari akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya?
"Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.

(Surah az-Zumar ayat 9)

بَارِكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارَكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.
اللَّهُمَّ اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطِّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ
الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى
السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا
وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ
مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, kurniakan kami agar cintakan keimanan. Jadikanlah ia perhiasan hati kami. Pahatkanlah dalam diri kami, rasa benci kepada kekufuran, kefasikan, dan kemaksiatan. Masukkanlah kami ke dalam golongan orang yang mendapat petunjuk. Tunjukkanlah kami kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakan kami dapat mengikutinya. Dan tunjukkanlah kami kebatilan itu sebagai kebatilan, dan kurniakan kami untuk menjauhinya. Janganlah Engkau jadikan kami terkeliru, menyebabkan kami menyimpang dari kebenaran. Jadikanlah kami terus kekal istiqamah atas kebenaran.

Ya Allah, pertautkanlah hati-hati kami. Baikilah hubungan sesama kami. Tunjukkanlah kami jalan-jalan keselamatan dan kesejahteraan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.